

BULETIN IKBN SERI ISKANDAR

EDIS 2 | OKTOBER 2025

32610 BANDAR SERI ISKANDAR, PERAK

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT IKBNSI





JELAJAH SUKAN MALAYSIA AKTIF SEMARAKKAN KOMUNITI ORANG ASLI DI KG. REDANG PUNGGOR

PASIR SALAK, 4 Oktober 2025 – Suasana di Kampung Redang Punggor, Pasir Salak hari ini meriah dengan penganjuran program Jelajah Sukan Malaysia Aktif Komuniti Orang Asli 2025. Program yang bertujuan memupuk gaya hidup sihat dan mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat setempat ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Pelbagai pengisian menarik telah diadakan sepanjang hari, bermula dengan sesi senamrobik yang bertenaga, diikuti dengan acara larian santai atau 'fun run' yang disertai oleh segenap lapisan umur, daripada kanak-kanak hinggalah golongan dewasa. Selain itu, acara sukan tradisional turut dipertandingkan bagi memelihara dan mengetengahkan warisan budaya masyarakat Orang Asli.

Turut memeriahkan program adalah pameran daripada pelbagai agensi kerajaan yang bertujuan untuk menyalurkan maklumat dan perkhidmatan terus kepada komuniti. Tumpuan utama adalah reruai pameran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dikendalikan oleh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar. Kehadiran IKBN Seri Iskandar adalah atas jemputan khas rakan penganjur, Malaysian Four Wheel Drive, bagi memberi pendedahan kepada golongan belia Orang Asli mengenai peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Pegawai Khas YAB Menteri Besar Negeri Perak bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Manik, Tn. Hj. Mohamad Maharani bin Hj. Md. Tasi. Dalam ucapan perasmianya, beliau memuji inisiatif penganjuran program seumpama ini yang bukan sahaja menggalakkan amalan gaya hidup aktif, tetapi juga menjadi platform untuk agensi kerajaan mendekati masyarakat.

Jelajah Sukan Malaysia Aktif ini berjaya mencapai matlamatnya dalam menyemarakkan semangat kesukanan di samping membuka minda komuniti Orang Asli Kg. Redang Punggor terhadap pelbagai peluang yang tersedia untuk mereka.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI #RancakkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs #ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #tvetmalaysia #tvetperak #masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak #jelajahsukanmalaysiaaktifkomunitiorangasli



SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT IKBN SERI ISKANDAR TAHUN 2025 BERLANGSUNG MERIAH

SERI ISKANDAR, 10 OKTOBER 2025 - Beberapa acara telah berlangsung bersempena Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat IKBN Seri Iskandar Tahun 2025 bertempat di Dewan Dato Maharajalela dengan meriahnya bertemakan 'Malaysia Aktif'. Penganjuran Hari Sukan Negara ini telah mencapai sedekad penganjurannya sehingga kini bagi mengamalkan gaya hidup aktif dan cergas seterusnya menyokong hasrat menjadikan Malaysia sebuah “negara bersukan”.

Pelaksanaan aktiviti Hari Sukan Negera telah melibatkan acara Bola Jaring Lelaki, Sepakan Penalti Wanita, Mobile Legend, Carrom Double Terbuka dan Ping pong Double Terbuka. Encik Raja Muadzam Syah Bin Raja Mohd Noor, Timbalan Pengarah Latihan, IKBN Seri Iskandar hadir bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup dan penyampaian hadiah. Turut hadir sama Encik Mohd Halifi Bin Ab Hamid, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Puan Nor Hazalina Binti Noraini, Ketua Cawangan Pengurusan Pelajar

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua jabatan IKBN Seri Iskandar yang telah menyemarakkan semangat Hari Sukan Negara pada tahun ini. Penganjuran kali ini telah dikelola oleh Encik Tajul Ridwan Bin Abu bakar, Unit Sukan bersama barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI #RancakkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs #ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #tvetmalaysia #tvetperak #masadepankemahiran



SELAMAT DATANG & SELAMAT BERTUGAS

Seluruh warga IKBN Seri Iskandar mengalu-alukan kehadiran

Encik Farizul Arizal bin Abd Rahman sebagai Pengarah IKBN Seri Iskandar, berkuat kuasa 1 Oktober 2025.

Semoga dengan kepimpinan baharu ini, IKBN Seri Iskandar terus melangkah maju, cemerlang dan berdaya saing dalam melahirkan belia berkemahiran tinggi seiring aspirasi Malaysia MADANI.

Ikhlas daripada, Warga IKBN Seri Iskandar, Perak

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul
#TeamKBS#KitaSemuaTeamMAS#MalaysiaMADANI#
RancakkanMADANI#MADANIBekerja#ilkbs#ikbnseriiskandar#
ikbnsicemerlang#bhepikbnsip#tvetmalaysia#
#masadepankemahiran

JOM FESTIVAL OF IDEA (FOI) @ PERAK



JOM KE FESTIVAL OF IDEA (FOI) @ PERAK!

Tarikh : 11 – 12 Oktober 2025

Tempat : UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

Pelbagai aktiviti menarik, perkongsian idea hebat bersama lebih 50 syarikat tempatan & global serta peluang bertemu pakar industri menanti anda

Jangan lepaskan peluang hadir beramai-ramai ke FOI 2025.

#FOI2025 #FestivalIdeaPerak
#UiTMSeriIskandar #IKBNSI #BeliaInovatif



PELAJAR DAN KAKITANGAN IKBN SERI ISKANDAR HANGATKAN HARI SUKAN NEGARA 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN

IPOH, 11 OKTOBER 2025 – Semangat kesukanan dan gaya hidup aktif kembali menyemarak di seluruh negara dengan pelancaran Hari Sukan Negara (HSN) 2025 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung meriah di Dataran Sultan Azlan Shah, Meru Raya, Ipoh, Perak. Buat julung kalinya diadakan di luar Lembah Klang, sambutan tahun ini berjaya menarik ribuan peserta dari pelbagai lapisan masyarakat. Majlis pelancaran gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Kehadiran beliau disambut dengan penuh semangat oleh orang ramai yang telah berkumpul sejak awal pagi untuk menyertai pelbagai aktiviti yang diaturkan.

Turut menyerikan majlis ialah Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, serta barisan Ahli Majlis Kerajaan Negeri dan pengurusan tertinggi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN). Dalam ucapan perasmianya, Perdana Menteri menekankan kepentingan menjadikan sukan sebagai sebahagian daripada gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sambutan HSN 2025 yang berlangsung selama tiga hari dari 10 hingga 12 Oktober ini dipenuhi dengan pelbagai pengisian menarik untuk semua peringkat umur. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah Larian Ria Madani, acara berbasikal, pickleball, pound fit, senamrobik, bola jaring, sukan tradisional dan banyak lagi. Tidak ketinggalan untuk memeriahkan sambutan ini adalah pasukan dari Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar. Seramai 20 orang kakitangan dan pelajar telah turut serta dalam program HSN 2025.

IKBN Seri Iskandar turut menghantar dua pasukan daripada Sekretariat Rakan Muda (SRM) untuk menyertai acara "Explorace Rakan Muda". Penyertaan aktif ini menunjukkan komitmen dan sokongan padu warga IKBN dalam menjayakan agenda sukan negara. Penganjuran HSN Peringkat Kebangsaan di Ipoh ini dilihat sebagai satu kejayaan besar dalam usaha kerajaan untuk meluaskan pembudayaan sukan ke seluruh pelusuk negara, selaras dengan tema "Malaysia Aktif".

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

TeamKBS#KitaSemuaTeamMAS#MalaysiaMADANI#RancakkanMADANI#MADANIBekerja#ilkbs
#ikbnseriiskandar#ikbnsicemerlang#bhepikbnsip#tvetmalaysia#tvetperak#masadepankemahiran#transformas
ipendidikan#talentperak #HSN2025 #HSNPerak2025 #MalaysiaAktif

KURSUS PELUPUSAN REKOD DAN PENGURUSAN FAIL

SERI ISKANDAR, 16 OKTOBER 2025 - Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, IKBN Seri Iskandar telah menganjurkan Kursus Pelupusan Rekod Dan Pengurusan Fail 14 Oktober 2025 hingga 15 Oktober 2025 (Selasa - Rabu). Seramai 40 peserta orang dari setiap Jabatan/ Bahagian/ Unit IKBNSI telah menghadiri kursus tersebut. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Heikal bin Mokhtar, Pembantu Arkib Kanan S2 dan Encik Saifurnizam Bin Ya'akob, Pegawai Arkib S9 dari Arkib Negara Malaysia Negeri Perak.

Objektif kursus bertujuan untuk memahami dan mengaplikasi konsep dan proses yang betul bagi pelupusan rekod dan pengurusan fail dengan mematuhi prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Arkib Negara Malaysia. Selain itu, memahami dan mengaplikasi jenis borang dan tatacara pengisian borang pelupusan fail dan pengurusan fail dengan betul.

Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberi pengetahuan asas dan kemahiran praktikal kepada peserta dalam mengurus, menyimpan, dan melupuskan rekod serta fail dengan cara yang sistematik dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI
 #RancakkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs #ikbnseriiskandar
 #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #tvetmalaysia #tvetperak
 #masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak
 #mpbnperak



MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA IKBN SERI ISKANDAR DENGAN PIHAK INDUSTRI

SERI ISKANDAR, 28 OKTOBER 2025 - Institut Kemahiran Belia Negara Seri Iskandar bersama wakil-wakil industri mencatatkan pencapaian penting dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Dewan Dato' Maharajalela, IKBN Seri Iskandar. Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan dua (2) buah syarikat iaitu Syarikat Aurora Maju Sdn. Bhd. dan Syarikat Selection Technologies and Engineering.

Turut hadir menyempurnakan majlis ini ialah Encik Farizul Arizal bin Abd Rahman, Pengarah IKBN Seri Iskandar bersama Encik Mohd Halifi bin Ab Hamid, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar diiriingi Puan Nordalilah binti Yusoff, Ketua Cawangan Hubungan Industri dan Kerjasama Strategik serta kakitangan dan para pelajar.

Kerjasama ini dapat memberi manfaat besar kepada para pelajar TVET di IKBN Seri Iskandar yang mengikuti pelbagai program teknikal dalam bidang elektrik dan elektronik khususnya. Mereka bakal menerima peluang berharga seperti penempatan latihan industri kepada para pelajar dan peluang pekerjaan kepada graduan ILKBS. Selain itu, skop kolaborasi juga merangkumi bantuan khidmat nasihat, menjayakan program 'Career-Fest' ILKBS, Latihan Sangkutan Industri (LSI) kepada tenaga pengajar, sumbangan peralatan latihan, penyelenggaraan dan tenaga pakar.

Sesungguhnya, kejayaan jalinan kerjasama ini bukan sahaja simbolik kepada semangat kolaborasi, tetapi juga tanda komitmen IKBN Seri Iskandar untuk terus memperkukuh hubungan dengan pihak industri dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang kompeten, beretika, dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

TVET Pilihan Utama Kerjaya.
ILKBS Profesional Terunggul.

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI
#RancarkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs #ikbnseriiskandar
#ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #tvetmalaysia #tvetperak
#masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak
#mpbnperak #MoU





CAREER LAUNCHPAD SIRI JELAJAH MYFUTUREJOBS @ IKBN SERI ISKANDAR

SERI ISKANDAR, 30 OKTOBER 2025 - Career Launchpad anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peluang pekerjaan, pembangunan kerjaya serta peranan PERKESO dalam membantu graduan melangkah ke alam pekerjaan. Program ini merangkumi sesi pengenalan kepada PERKESO, pengenalan portalpasaran buruh, ujian psikometrik, pengenalan dan pendaftaran portal pekerjaan MYFutureJobs, penulisan resume, persediaan ke temu duga alam pekerjaan dan mock interview.

Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Pn. Nurul Sufia binti Mohd Zaki dan En. Muhammad Zaki bin Mohd Nordin, kedua-duanya merupakan Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO. Melalui penganjuran Program Career Launchpad PERKESO ini, diharapkan semua pelajar semester akhir IKBN Seri Iskandar yang menghadiri program ini dapat meningkatkan pengetahuan tentang peluang pekerjaan yang ditawarkan di pasaran semasa, membina keyakinan diri ketika melangkah ke alam pekerjaan sebenar, memahami peranan dan bantuan PERKESO dalam pembangunan kerjaya, serta memperkukuh kemahiran kebolehpasaran agar lebih bersedia menghadapi cabaran dunia kerja.

Secara keseluruhannya, program ini menjadi platform penting bagi membantu pelajar mempersiapkan diri sebagai tenaga kerja TVET yang kompeten, proaktif dan berdaya saing.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #MalaysiaMADANI #RancakkanMADANI #MADANIBekerja #ilkbs
#ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #tvetmalaysia
#tvetperak#masadepankemahiran#TalentPerak#CareerLaunchpad #PERKESO

Financial Planning in Marriage & Early Career

Oleh : Ustaz Ibnu Abbas Bin Azizuddin
Pendaftar, Pernikahan, Perceraian dan Rujuk
Pegawai Khidmat Nasihat,
Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Seri Iskandar



PROGRAM "YOUTH SMART MONEY FEST 2025" DIDIK BELIA RANCANG KEWANGAN

SERI ISKANDAR, 31 OKTOBER 2025 - Seramai 11 orang pelajar dan 2 orang pegawai dari IKBN Seri Iskandar telah hadir ke program "Youth Smart Money Fest 2025" yang diadakan bertempat di Dewan Al-Khawarizmi, UiTM Kampus Seri Iskandar. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada golongan belia dan mahasiswa mengenai pengurusan kewangan berhemah, pelaburan, pencegahan jenayah siber serta kepentingan merancang kewangan dalam kehidupan seharian.

Pelbagai topik telah dibawa oleh pihak penganjur seperti, pengurusan kewangan dalam Islam yang disampaikan oleh Pejabat Agama Daerah, topik berkaitan scammer yang disampaikan oleh PDRM, peluang yang ada untuk belia menjelang Perak Sejahtera 2030 yang disampaikan oleh Stratcomm Perak dan lain-lain lagi. Hadir merasmikan majlis penutup adalah YB En. Khairudin bin Hj. Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak.

TVET Pilihan Utama Kerjaya
ILKBS Profesional Terunggul

#ilkbs #ikbnseriiskandar #ikbnsicemerlang #bhepikbnsip #TeamKBS #KitaSemuaTeamMAS #tvetmalaysia #tvetperak
#masadepankemahiran #transformasipendidikan #talentperak #YouthSmartMoneyFest

**SEKIAN
TERIMA KASIH**